

## SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/08/09\_44 (HQ)

### TNB WUJUDKAN LALUAN LORONG HIJAU SEBAGAI TAWARAN STRATEGIK PASARAN PUSAT DATA MALAYSIA

- Menyegerakan pelaksanaan laluan hijau bagi mempercepatkan pembekalan elektrik berdaya harap untuk pusat-pusat data di Malaysia yang bervoltan tinggi 132/275 kV
- Mewujudkan Pusat Sehenti (OSC) sebagai saluran komunikasi dua hala bagi memudahkan urusan di antara para pelabur dan TNB
- 5 pelabur terawal menjadi antara pelanggan pertama menikmati pelan khusus 'Green Lane Pathway'.

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** mewujudkan Laluan Lorong Hijau (Green Lane Pathway), satu laluan eksklusif sebagai tawaran yang menyediakan solusi cekap dan mesra alam kepada syarikat-syarikat pengendali pusat data di Malaysia. Inisiatif ini membantu mempercepatkan proses pendaftaran dan kelulusan, sekali gus melancarkan lagi pembangunan serta operasi pusat-pusat data.

Melalui tawaran strategik ini, pusat-pusat data akan mendapat bekalan elektrik tiga kali lebih pantas daripada biasa. Ini menyingkatkan tempoh pelaksanaan daripada 36 – 48 bulan kepada hanya 12 bulan. Pusat Sehenti (OSC) pula memudahkan proses komunikasi secara langsung oleh pelabur dan perkhidmatan sokongan.

TNB juga menawarkan bantuan penyelenggaraan 24 jam dan pelbagai bentuk penyelesaian mengikut keperluan setiap pusat data. Kesemua faktor ini dijangka menarik lebih banyak syarikat pusat data untuk mewujudkan operasi mereka di negara ini.

Inisiatif ini dilancarkan oleh **Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abd Aziz**, di Pusat Konvensyen Leo Moggie, TNB Platinum, Bangsar dalam sesi perkongsian bersama komuniti pusat data Malaysia pada Selasa (8 Ogos 2023).

Pada majlis itu, TNB memeterai lima kolaborasi strategik melalui Perjanjian Bekalan Elektrik (ESA) dengan empat syarikat iaitu Yellowwood Properties Sdn Bhd (Yondr), AirTrunk Malaysia Sdn Bhd (AirTrunk), SIPP Power Sdn Bhd (SIPP) dan GDS IDC Malaysia Sdn Bhd (GDS) di samping satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan MRANTI Corporation Sdn Bhd.

Dalam ucapan pelancarannya, Tengku Zafrul menyifatkan kepentingan pusat data sebagai nadi kepada dunia digital, tulang belakang yang mendukung kelancaran sistem kesalinghubungan, memudahkan penyimpanan, pemprosesan dan penghantaran maklumat dalam kapasiti besar yang mendayakan gaya hidup moden.

“Malaysia sudah pun membangunkan reputasi kukuh dalam sektor ini di pasaran Asia Tenggara susulan kedudukan geo-strategik negara serta landskap pelaburan yang kondusif dan menarik. Pasaran pusat data di Malaysia dijangka meningkat sebanyak AS\$2.08 bilion dari tahun 2021 hingga 2026 dengan momentum pertumbuhan pasaran dijana pada kadar CAGR 15.72%. Laluan Lorong Hijau TNB ini menyokong matlamat tersebut dan keperluan Pusat Data, yang kewujudannya di Malaysia akan membantu merealisasikan objektif Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 untuk menarik pelaburan berkualiti teknologi tinggi, sekali gus menyediakan lebih banyak peluang pertumbuhan untuk PKS dan pekerjaan dengan upah lebih baik kepada rakyat Malaysia.”

Terdahulu dalam ucapan alu-aluan, **Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din** menekankan bahawa TNB benar-benar komited untuk menjadi pembekal tenaga berdaya harap kepada semua projek pusat data selari dengan aspirasi negara membawa industri pusat data ke Malaysia dan menjadi hab pusat data serantau.

“Antara perkhidmatan yang disediakan TNB adalah perkhidmatan OSC untuk memenuhi setiap keperluan pusat data ini. Kami juga sentiasa mencari ruang dan peluang memperluas kerjasama dengan lebih ramai pengendali pusat data melalui solusi tenaga pintar, yang direka khas oleh anak syarikat milik penuh TNB yang pakar dalam teknologi hijau bagi memenuhi keperluan pelanggan. Antaranya, GSPARX menyediakan penyelesaian bumbung solar, Allo Technology mengkhususkan perkhidmatan penyambungan gentian jalur lebar, TNB Engineering Corporation untuk sistem penyejukan kawasan dan TNB Renewables dalam teknologi hijau.”

“Kerjasama di antara TNB dan pengendali pusat data membawa banyak faedah kepada pelbagai pihak. Penubuhan pusat data ini juga mencipta banyak peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia dan menjana ekonomi industri kecil dan sederhana di kawasan sekitarnya. Lebih utama lagi, kerjasama ini secara langsung meningkatkan permintaan terhadap tenaga boleh baharu (TBB) dalam sektor pusat data, selari matlamat negara mengurangkan pelepasan karbon dan bebas arang batu menjelang 2050,” jelasnya lagi.

Hal ini turut bertepatan aspirasi TNB untuk menjadi pembekal terunggul solusi tenaga mampan di Malaysia dan antarabangsa. Melalui agenda peralihan tenaga, TNB mensasarkan pengurangan 35% dalam pelepasan karbon serta penurunan 50% kapasiti penggunaan arang batu menjelang 2035. Dalam merealisasikan aspirasi ini juga, TNB menganjurkan Persidangan Peralihan Tenaga pada 28 - 29 Ogos 2023 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Pelbagai bentuk penyelesaian inovatif serta kerjasama merentas ektor ekonomi akan dibincang dan ditampilkan sebagai tekad bersama dalam mendepani Peralihan Tenaga dengan berkesan.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 9 Ogos 2023, jam 12:00 tenghari**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /  
Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606  
atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abd Aziz bersama Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din di pelancaran Laluan Lorong Hijau (Green Lane Pathway) sebagai tawaran strategik Pusat Data di Pusat Konvensyen Leo Moggie, TNB Platinum, Bangsar semalam (8 Ogos 2023).



Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abd Aziz (tengah) diiringi oleh Pengerusi TNB, Dato' Abdul Razak Abdul Majid (kanan), dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din (tiga, kanan) untuk lawatan eksklusif meninjau bangunan TNB Platinum semalam (8 Ogos 2023).